

## ***Dr Mahathir sifatkan TMJ budak kecil bodoh'***

**PUTRAJAYA** - Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menyifatkan Tunku Mahkota Johor (TMJ), Tunku Ismail Sultan Ibrahim sebagai seorang budak kecil bodoh yang tidak sepatutnya bercakap perkara yang tidak diketahuinya.

“Saya tidak mahu mengulas mengenai sultan (Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar) kerana sekiranya saya mengatakan apa-apa yang tidak baik, maka ia tidak elok kerana baginda ialah seorang sultan.

“Tapi TMJ *is a little boy* (TMJ ialah budak kecil), dia bodoh kerana tidak tahu apa yang berlaku. Jadi jangan cakaplah apabila anda tidak tahu apa yang sedang berlaku,” katanya pada sidang akhbar Se-

tahun kerajaan Pakatan Harapan di bangunan Perdana Putra di sini semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas kenyataan terbaharu Tunku Ismail mengenai pelbagai usaha baik yang dilakukan oleh Sultan Johor, Sultan Ibrahim kepada rakyat di negeri itu namun perkara itu tidak dihebohkan kepada umum.

Terdahulu Dr Mahathir ketika ditanya mengenai hubungan beliau dengan Sultan Johor berkata, hubungan beliau dengan Sultan Ibrahim baik dan tidak mempunyai sebarang masalah.

“Tak ada (masalah), bila saya jumpa, baginda pandu kereta dan hantar saya ke lapangan terbang,” katanya.

Sementara itu, mengulas isu Statut Rom Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC), Dr Mahathir berkata, kerajaan akan mengkaji kesesuaian Statut Rom dalam konteks budaya tempatan.

Beliau menegaskan tiada apa yang perlu ditakutkan jika Malaysia memutuskan untuk meratifikasikan statut berkenaan.

Dr Mahathir berkata, kerajaan terpaksa membatalkan keputusan untuk meratifikasikan perjanjian itu kerana disebabkan oleh beberapa orang yang telah memutarbelitkan maklumat itu.

“Tetapi kita akan menerangkan kepada mereka mengapa Statut Rom tidak akan memudaratkan sesiapa yang bukan pen-

jenayah,” katanya.

Beliau berkata, sama ada Malaysia menjadi negara pihak kepada Statut Rom atau sebaliknya, seluruh dunia akan menentang sesebuah negara jika ada berlaku kesalahan.

Misalnya, Dr Mahathir berkata, kerajaan Myanmar tidak terkecuali daripada kecaman dan tindakan antarabangsa kerana gagal melaksanakan sebarang usaha membela nasib etnik Rohingya, sebaliknya menyokong penghapusan kaum itu.

“Walaupun Myanmar tidak menyertai Statut Rom tetapi komuniti antarabangsa telah mengutuk dan mengambil tindakan terhadap negara itu,” katanya.